

Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)

International Journal of Malay Letters

Jilid 4/Jan/2016, 171-192

ISSN:2289-5000

Persatuan Penulis Budiman Malaysia
Budiman Writers Association of Malaysia

**ANALISIS PENGGUNAAN ILMU AL-BAYAN DALAM DIALOG
AL-QURAN**

*[AN ANALYSIS OF THE USE OF AL-BAYAN KNOWLEDGE IN
DIALOG OF AL-QURAN]*

*Mohd Abdul Nasir Abd Latif**

Ahmad Zulfiqar Shah Abadul Hadi

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

*muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Ilmu *al-Bayan* merupakan suatu usul dan kaedah bagi menyampaikan suatu makna menerusi pelbagai bentuk susunan bahasa supaya makna yang dikehendaki menjadi lebih jelas. Sastera Arab klasik sebelum penurunan al-Qur'an banyak mengekspresikan maksud dalam bentuk tashbih, majaz dan isti'arah yang merupakan gaya bahasa dalam ilmu al-Bayan. Kajian ini mengemukakan analisis penggunaan Ilmu al-Bayan dalam ayat-ayat dialog al-Qur'an. Dapatan menunjukkan ayat-ayat dialog didominasi oleh penggunaan empat gaya bahasa ilmu tersebut iaitu Kiasan (*al-Kinayah*), *al-Majaz*, *al-Isti'arah* dan *al-Tanasub al-Bayani*.

Kata Kunci; Ilmu al-Bayan, Dialog, al-Qur'an, Majaz

ABSTRACT

Al-Bayan is the branch of Quranic science that becomes a root and methodology for conveying a meaning through various forms of language structure so that the desired meaning


becomes clearer. Mainly, classical Arabic literature before the revelation of the Qur'an express meaning in the form tashbih, Majaz and isti'arah which is in the style of al-Bayan. This study presents an analysis of the use of al-Bayan in the verses of the Qur'anic dialog. The findings indicate passages of dialogue is dominated by the use of four of the stylistic knowledge of metaphor (al-Kinayah), al-Majaz, al-isti'arah and al-Tanasub al-Bayani.

Keywords: al-Bayan Knowledge, discourse, al-Quran, Majz

PENGENALAN

al-Jauhari (1987) mendefinisikan *al-Bayan* sebagai kefasihan manakala al-Jurjani (1983) mendefinisikannya sebagai seseorang yang bertutur dengan penggunaan bahasa yang menyerlahkan kehendaknya kepada pendengar. Dua definisi yang dikemukakan ini menunjukkan *al-Bayan* merujuk kepada pengucapan yang fasih bagi memberikan gambaran maksud yang dikehendaki. Namun begitu al-Tabari (2000) telah mengemukakan maksud *al-Bayan* dalam konteks yang lebih umum iaitu segala yang diperlukan oleh insan dalam kehidupan dunia dan agamanya seperti halal dan haram.

Dalam konteks al-Qur'an, perkataan al-Bayan merujuk kepada satu sifat keistimewaan kejadian manusia yang dianugerah oleh Allah s.w.t. Firman Allah;



Maksudnya: 'Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan'

Surah al-Rahman (55) :4

Menurut jumhur ahli tafsir, *al-Bayān* bermaksud bertutur, faham dan memberikan penerangan (al-Andalusi, 2001). Allah s.w.t mengajar kepada manusia *al-Bayan* dengan

tujuan menjadikan mereka makhluk yang berupaya untuk bertutur, memahami dan memberikan penerangan tentang sesuatu. Anugerah ini kemudiannya menjadi asas kepada kehidupan yang penuh makna dan sarat dengan limpah kurniaan. Ini berlaku apabila manusia menggunakan kelebihan *al-Bayan* untuk berkomunikasi sesama mereka dan sentiasa berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.

Ilmu *al-Bayan* merupakan suatu usul dan kaedah bagi menyampaikan suatu makna menerusi pelbagai bentuk susunan bahasa supaya makna yang dikehendaki menjadi lebih jelas (Tabanah, 1988; Abu al-'Udus, 2007). Pada asasnya, bangsa Arab sebelum kedatangan Islam telahpun mencapai mutu tertinggi dalam menggunakan *al-Bayan* dalam bahasa mereka. Ini dapat dikesan menerusi kemampuan mereka untuk mengekspresi idea dan pemikiran menerusi syair-syair yang dihasilkan. Abdul Fatah (2003) menyatakan bahawa sastera Arab klasik sebelum penurunan *al-Qur'an* lebih banyak mengekspresikan sesuatu dalam bentuk *tashbih*, *majaz* dan *isti'arah* (gaya bahasa dalam ilmu *al-Bayan*).

AYAT DIALOG AL-QUR'AN

Menurut Kamus Dewan, dialog adalah kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama, fiksiyen atau karya sastera dalam bentuk perbualan, perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah kepentingannya. Berdialog pula mengadakan dialog, bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu secara terbuka (Kamus Dewan, 2007). Ayat-ayat dialog *al-*

﴿ يَوْمَ نَقُولُ لِجَهَنَّمَ هَلِ امْتَلَأْتِ وَتَقُولُ هَلْ مِنْ مَزِيدٍ ﴾

Qur'an merujuk kepada ayat yang mempunyai dialog di antara dua belah pihak.

Sebagai contoh dialog di antara Allah s.w.t dengan neraka Jahanam yang dirakamkan menerusi firman Allah;

Maksudnya:

(Peringatkanlah manusia) akan hari Kami bertanya kepada neraka Jahanam: "Adakah engkau sudah penuh?".

Ia menjawab: "Adakah lagi sebarang tambahan?"

Surah Qaf (50) : 30

ILMU AL-BAYAN DALAM AYAT-AYAT DIALOG

Berdasarkan analisis yang dijalankan, terdapat empat bentuk gaya bahasa utama yang digunakan oleh penutur dialog dalam dialog masing-masing dengan berdasarkan ilmu *al-Bayan* menerusi ayat-ayat dialog al-Qur'an. Empat bentuk tersebut adalah Kiasan (*al-Kinayah*), *al-Majaz*, *al-Isti'arah* dan *al-Tanasub al-Bayani*.

a. Kiasan (*al-Kinayah*)

Kiasan (*al-Kinayah*) bermaksud suatu lafaz yang digunakan bukan berdasarkan maksudnya yang asal (al-Hashimi, 1994). Pekata menyampaikan satu maksud tanpa menggunakan perkataan yang sesuai dengan tema yang diucapkan daripada aspek bahasa. Maksud didatangkan menerusi perkataan yang ada persamaan dan seerti secara asasnya. Persamaan ini kemudiannya dijadikan sebagai bukti maksud yang dikehendaki (al-Jurjani, 1992).

Penggunaan kiasan menjadikan maksud yang dikehendaki bukan maksud zahir lafaz yang digunakan, atau maksud yang ada bersama dengannya, atau yang digunakan secara kebiasaan disebabkan terdapat hubung kait antara lafaz dan maksud dalam beberapa konteks. Ia merupakan suatu bentuk penggunaan gaya bahasa secara tidak terus (berlapik)

yang mempunyai maksud yang tersembunyi. Maksud yang dikehendaki difahami berdasarkan kelaziman, pembuktian atau mana-mana aspek yang dilihat ada kaitan (al-Maydani, 1996).

Contoh (Surah Ali 'Imran (3) : 47) penggunaan kiasan dalam dialog dua hala al-Qur'an dapat dilihat menerusi suruhan dalam respon yang diberikan kepada orang-orang mukmin ketika bertanya Rasulullah s.a.w berkaitan wanita-wanita yang kedatangan haid. Firman Allah;

﴿وَسَأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأُولَهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُسْتَطَهِّرِينَ ﴿٤٧﴾ نِسَاءُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأَثُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ وَقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ﴾

Maksudnya;

Dan mereka bertanya kepada-mu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri daripada perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu. Oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu.

Surah al-Baqarah (2) : 222-223

Ayat di atas secara tidak langsung telah menjelaskan amalan jahiliyyah yang perlu ditinggalkan. Berdasarkan amalan tersebut, kaum lelaki tidak tinggal bersama wanita yang dalam haid dan tidak makan bersama mereka. Namun begitu berdasarkan jawapan yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t hanya mengharamkan kemaluan mereka selagi mana mereka di dalam tempoh haid sahaja (al-Tabari, 2004).

Larangan mendatangi kemaluan wanita haid tidak didatangkan dengan menggunakan bahasa yang terus, akan tetapi dinyatakan secara berlapis. Ini berlaku menerusi penggunaan (فاعتزلوا النساء في المحيض ولا تقربوهن حتى يطهرن). Suruhan untuk ‘menjauhkan diri’ dan ‘jangan kamu hampiri’ bukan bermaksud meninggalkan mereka sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyyah. Ia sebenarnya bermaksud larangan melakukan hubungan seks dengan mereka ketika haid. Ini bersandarkan hadith Nabi s.a.w:

اصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا النِّكَاحَ

Maksudnya:

Berbuatlah apa sahaja kecuali nikah (Muslim, 1984).

Al-Albani mencatatkan sebuah riwayat yang menyatakan bahawa Nabi s.a.w bersabda “Sesungguhnya kamu diperintahkan untuk tidak melakukan hubungan seks dengan mereka apabila mereka dalam haid dan tidak diperintahkan kamu mengeluarkan mereka daripada rumah-rumah sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang asing”. Namun begitu beliau menyatakan riwayat tersebut tidak terdapat dalam mana-mana kitab sunnah (al-Albani, 1405H).

Penggunaan kiasan dalam ayat di atas tidak hanya berperanan sebagai ayat perintah sahaja. Kiasan juga berperanan untuk memberi gambaran status kesucian wanita

dan memperincikan waktu dan cara yang dibenarkan untuk mendatangi mereka. Ini berlaku menerusi penggunaan “menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah” (من حيث أمركم الله) dan “datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai” (فأتوا حرثكم أنى شئتم). Teknik ini merupakan suatu bentuk adab yang baik yang dituntut kepada orang-orang mukmin untuk mempelajari dan beradab dengannya dalam perbualan dan penulisan (al-Zamakhshari, 1995).

Contoh penggunaan kiasan juga boleh dilihat menerusi dialog Nabi Muhammad s.a.w kepada orang-orang kafir yang sentiasa berhelah dengan bersandarkan kepada amalan nenek moyang ketika mereka melakukan perkara-perkara terlarang. Firman Allah;

﴿ قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ﴾

Maksudnya;

Hadapkanlah muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang, dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal ugama kamu kepadanya semata-mata.

Surah al-A’raf (7) : 29

Ayat di atas menegaskan suruhan Allah s.w.t agar berlaku adil, melaksanakan ibadat dengan sempurna dan mengikhlaskan diri. Suruhan ini dinyatakan menerusi dialog (وأقيموا وجوهكم). Suruhan ‘mendirikan wajah-wajah kamu’ merupakan satu bentuk penggunaan kiasan. Ayat ini merujuk kepada suruhan agar tekun dalam beribadat, meluruskan hati dalam melaksanakannya tanpa cenderung kepada perkara yang lain (al-Zamakhshari, 1995).

b. al-Majaz

al-Majaz bermaksud suatu lafaz yang digunakan pekata dengan cara bukan berdasarkan maksud asalnya. Penggunaan tersebut diterima berdasarkan logik pemikiran dan penggunaan bahasa secara am dengan cara menggunakan aspek bahasa tertentu sebagai bukti maksud tertentu dikehendaki menerusi lafaz yang digunakan (al-Maydani, 1996; al-Hashimi, 1994). Dalam perbincangan ini, dua aspek *al-Majaz* diketengahkan iaitu *al-Majaz al-Mursal* dan *al-Majaz al-'Aqli*.

i. *al-Majaz al-Mursal*

al-Majaz al-Mursal merupakan penggunaan perkataan yang bukan pada maknanya yang asal berdasarkan wujudnya hubungan yang tiada persamaan tetapi terdapat bukti bahawa makna yang asal bukan makna yang dikehendaki (al-Hashimi, 1994).

Contoh penggunaan *al-Majaz al-Mursal* dapat dilihat menerusi firman Allah;

﴿ أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّى يُحْيِي هَذِهِ اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا ﴾

Maksudnya;

Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang telah runtuh segala bangunannya, orang itu berkata: "Bagaimanakah Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini sesudah matinya (rosak binasanya)? "

Surah al-Baqarah (2) : 259

Menerusi ayat di atas, Uzayr bertanya bagaimana Allah s.w.t menghidupkan kembali negeri yang telah mati? Penggunaan 'kematianya' (موتها) didatangkan dalam bentuk *majaz* kerana bumi tidak bernyawa dan tidak akan melalui kematian sebagaimana yang dilalui oleh setiap makhluk yang bernyawa. Apa yang dimaksudkan di sini bukan makna asal tetapi situasi tempat yang tidak lagi berpenghuni dan kerosakan serta keruntuhan binaan-binaan yang ada padanya. Ini berdasarkan permulaan dialog (وهي خاوية على عروشها).

ii. *al-Majaz al-'Aqli*

al-Majaz al-'Aqli merupakan satu bentuk sandaran pelaku kepada kata kerja, ataupun pada makna kata kerja daripada kata nama pelaku, atau kata nama objek atau kata terbitan yang tidak secara logik. Ini berdasarkan wujudnya bukti bahawa perbuatan yang dimaksudkan tidak berkaitan dengan pelaku (al-Hashimi, 1994).

Sebagai contoh kepada gambaran bentuk ini dialog antara Allah s.w.t dengan langit dan bumi. Firman Allah;

﴿ ثُمَّ أَسْتَوِي إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَالْأَرْضِ أَتَيْنَا طَوْعًا أَوْ
كَرْهًا قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿٥١﴾ ﴾

Maksudnya;

Kemudian Dia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; Lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: "Turutlah kamu berdua akan perintahKu, sama ada dengan sukarela atau dengan paksa!". Kedua-duanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut - patuh dengan sukarela"

Surah Fussilat (41) : 11

Gambaran yang diberikan secara menyandarkan perbuatan manusia kepada langit dan bumi. Kedua-duanya diseru dan kemudian menjawab seruan tersebut. Gambaran yang diberikan sangat dekat dengan manusia walaupun secara logikanya, bagaimana mungkin manusia mampu menggambarkan langit dan bumi berkata-kata.

Teknik ini juga digunakan menerusi dialog antara manusia dengan kulit mereka ketika berlangsungnya peristiwa hisab. Firman Allah;

﴿ وَقَالُوا لِمَلُودِهِمْ لِمَ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا قَالُوا أَنْطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنْطَقَ كُلَّ شَيْءٍ
وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٤١﴾ ﴾

Maksudnya:

Dan (setelah berlaku yang demikian), berkatalah mereka kepada kulit-kulit badan mereka: "Mengapakah kamu menjadi saksi terhadap kami?". Kulit-kulit badan mereka menjawab: "Allah yang berkuasa menjadikan tiap-tiap sesuatu pandai berkata-kata - telah menjadikan kami dapat berkata-kata. Dan Dialah yang menciptakan kamu pada mulanya, dan kepadaNya lah kamu dikembalikan (untuk menerima balasan).

Surah Fussilat (41) : 21

Sayyid Qutb menyatakan bahawa gambaran sebegini sebagai satu bentuk *al-Takhyil al-Hissi wa al-Tajsim*. Gambaran ini merupakan salah satu teknik *al-Taswir* yang terdapat dalam al-Qur'an. Teknik ini berlaku dengan cara memberikan gambaran yang boleh dicapai secara bayangan dengan bersandarkan kepada maksud yang tergambar dalam minda dan situasi manusia, juga dengan cara contoh perilaku dan tabiat manusia. Teknik ini digunakan untuk menggambarkan kejadian yang dirasai, peristiwa yang dilihat, yang kemudian didatangkan dalam bentuk gambaran (Sayyid Qutb, 2002).

Teknik ini mempunyai kekuatan dalam memberikan gambaran peristiwa yang berlaku. Ia menjadikan setiap perkara yang ingin dipaparkan kelihatan hidup bukan sahaja kerana ia peristiwa yang benar, bahkan digambarkan secara hidup dengan paparan yang disokong oleh aksi yang dapat dicapai oleh deria. Sayyid Qutb menyatakan 'maka dengan itu gambaran yang diberikan menjadi hidup atau kronologi yang sentiasa berterusan. Ini menjadikan makna yang ada pada fikiran itu hidup, kondisi kemanusiaan menjadi satu paparan yang jelas dan juga contoh-contoh kemanusiaan berlaku menerusi watak-watak yang hidup' (Sayyid Qutb, 2002).

c. *al-Isti'arah*

al-Isti'arah bermaksud penggunaan lafaz tertentu yang tidak berdasarkan maksudnya yang asal dalam pertuturan disebabkan wujudnya kaitan persamaan maksud yang dituturkan dengan maksud yang diinginkan di samping wujudnya bukti yang merubah maksud asal lafaz berkaitan. *al-Isti'arah* pada asalnya gaya bahasa *al-Tashbih* yang dibuang *al-Mushabbah*, partikel *al-Tashbih* dan *wajh al-Shabh*. Ini menjadikan penggunaan tersebut hanya bergantung kepada *al-Mushabbah bih* yang kemudiannya digunakan secara gantian (pinjaman) suatu lafaz yang menunjukkan maksud *al-Mushabbah bih* (al-Maydani, 1996; al-Hashimi, 1994).

al-Isti'arah berlaku secara dua cara. Pertama secara penggunaan satu perkataan dan kedua secara bentuk ayat. Cara pertama diistilahkan oleh sebahagian ulama balaghah sebagai *al-Isti'arah fi al-Mufrad* (penggunaan satu perkataan) (al-Maydani, 1996) manakala cara kedua diistilahkan sebagai *al-Isti'arah fi al-Tarkib* iaitu *al-Isti'arah al-Tamthiliyyah* (penggunaan ayat). Berikut dua contoh bagi mewakili setiap bentuk *al-Isti'arah* yang digunakan dalam dialog al-Qur'an berdasarkan *al-Mufrad* dan *al-Tarkib*.

i. *al-Isti'arah fi al-Mufrad*

﴿ وَأَنْظِرْ إِلَى الْعِظَامِ كَيْفَ نُنشِرُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا ﴾

Penggunaan *al-Isti'arah fi al-Mufrad* boleh dilihat menerusi dialog Allah s.w.t kepada 'Uzayr yang ditunjukkan kepada beliau hakikat kekuasaanNya untuk menghidupkan sesuatu yang telah mati dan musnah. Firman Allah;

Maksudnya;

Dan lihatlah kepada tulang-tulang (keldai) itu, bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian Kami menyalutnya dengan daging ".

Surah al-Baqarah (2) : 259

al-Isti'arah berlaku menerusi penggunaan (نكسوها).

Penggunaan maksud menyalut (*al-Kiswah*) kepada daging yang menutupi tulang seperti baju yang menutupi badan. Kemudian baju yang menjadi sifat asas bagi dibuang dan didatangkan suatu sifat yang lazim baginya iaitu menyalut (*al-Zuhayli, 1991*).

ii. *al-Isti'arah al-Tamthiliyyah*.

Penggunaan *al-Isti'arah al-Tamthiliyyah* boleh dilihat menerusi

﴿ قَالَ يَتُومَ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيْنَةٍ مِّن رَّبِّي وَءَاتَنِي رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِهِ
فَعَمَيْتَ عَلَيْكُمْ أَنْذَرْتُكُمْ هَا وَأَنْتُمْ لَهَا كَاهُونَ ﴿٥٨﴾ ﴾

dialog Nabi Nuh a.s kepada kaumnya. Firman Allah;

Maksudnya:

Nabi Nuh berkata: "Wahai kaumku! jika keadaanku berdasarkan bukti yang nyata dari Tuhanku, serta ia mengurniakan pangkat Nabi kepadaKu dari sisiNya, kemudian bukti yang nyata itu menjadi kabur pada pandangan kamu (disebabkan keingkaran kamu yang telah sebat), maka adakah kamu nampak ada gunanya

kami memaksa kamu menerima bukti itu sedang kamu tidak suka kepadanya?

Surah Hud (11) : 28

al-Isti'arah al-Tamthiliyyah berlaku menerusi penggunaan ayat (وإني رحمة من عنده فعميت عليكم). Penggunaan ayat ini bagi memberikan gambaran tentang mereka yang gagal untuk memahami hujah berdasarkan bukti yang nyata dari Allah seperti orang-orang yang telah buta penglihatan mereka. Sedangkan pada hakikatnya mereka memiliki pandangan yang baik dan sempurna. Namun kedegilan dan keingkaran menjadikan mereka buta untuk melihat dengan mata hati dan memahami kebenaran.

d. *al-Tanasub al-Bayani*

al-Tanasub al-Bayani bermaksud penggunaan perkataan yang memberikan maksud persamaan dan keserasian antara lafaz yang digunakan dan makna yang dikehendaki menerusi penggunaan lafaz tersebut (Jahiz, 'Amru bin Bahr al-,1423H). Ia juga memberi maksud penyusunan perkataan yang mempunyai makna yang berdekatan secara keserasian dan bukannya secara perbezaan (Nuwayri, Ahmad bin 'Abd al-Wahhab al- (1423H). Menerusi ayat dialog al-Qur'an, keserasian yang dimaksudkan boleh disimpulkan menerusi tiga perspektif berikut;

i. Penggunaan klausa

Penggunaan klausa merujuk kepada keserasian penggunaan kumpulan kata dalam menghuraikan maksud yang ingin disampaikan. Penggunaan ini boleh dilihat menerusi dialog ahli neraka kepada ahli syurga ketika mereka memohon agar dikongsikan nikmat yang didapati oleh mereka. Firman Allah;

﴿وَوَادَىٰ أَصْحَابُ النَّارِ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَنْ أَفِضُوا عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ حَرَمَهُمَا عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٥٠﴾﴾

Maksudnya:

Dan (Tuhan menerangkan pula kehinaan ahli neraka dengan firmanNya): Ahli neraka menyeru ahli syurga (dengan berkata): "Limpahkanlah kepada kami sedikit dari air atau dari rezeki (makanan) yang telah dikurniakan Allah kepada kamu". Mereka (ahli syurga) menjawab: "Sesungguhnya Allah telah haramkan kedua-duanya atas orang-orang kafir".

Surah al-A'raf (7) :50

Penelitian menerusi ayat di atas menunjukkan penggunaan klausa (حرمهما). Secara sintaksisnya, klausa (حرمه) sepatutnya digunakan kerana ia dilihat lebih tepat maksud yang dikehendaki iaitu "*limpahkanlah kepada kami sedikit salah satu dari dua nikmat iaitu dari air atau dari rezeki (makanan)*". Ini kerana peranan partikel (أو) adalah memberi maksud *al-Ibahah* iaitu membolehkan maksud 'bersekali' seperti dalam ayat 'Hasan duduk atau Ibn. Sirin'. Dalam konteks ini, penggunaan (أو) sama peranannya dengan (و). Partikel (أو) harus memberi makna bersekali manakala (و) wajib bermaksud bersekali (al-Zuhayli, 1991).

Penggunaan maksud 'bersekali' menjadikan ayat ini boleh membawa maksud 'atau' (أو) seakan makna 'dan' (و). Penggunaan ini menjadikan maksud ayat seperti menyatakan kata kerja 'حرم' secara dua kali iaitu mengharamkan air dan mengharamkan rezeki. Ini disebabkan penggunaan partikel (أو) pada ayat (من الماء أو مما رزقنكم) bermaksud permintaan kepada air dan permintaan kepada rezeki-makanan. Partikel (أو) mengharuskan maksud 'bersekali. Namun penggunaannya dalam ayat ini memberikan maksud 'memang bersekali'.

Jawapan seperti yang dinyatakan dalam dialog sebagaimana yang dibincangkan di atas menambahkan lagi derita ahli neraka. Respons yang diberikan seperti ada

kemungkinan akan dapat salah satu dari dua perkara yang diminta. Namun pada hakikatnya, mereka diharamkan dari menerima kedua-duanya.

al-Tanasub al-Bayani menerusi penggunaan klausa juga dapat dilihat menerusi penggunaan *rasul* dan *rasula* menerusi dialog Allah s.w.t kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s menerusi dua dialog berikut. Firman Allah;

﴿ فَأْتِيَا فِرْعَوْنَ فَقُولَا إِنَّا رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾ ﴾

Maksudnya:

"Maka pergilah kamu kepada Firaun, kemudian katakanlah kepadanya: Sesungguhnya kami utusan Tuhan sekalian alam.

Surah al-Shu'ara' (26) : 16

Firman Allah;

﴿ فَأْتِيَاهُ فَقُولَا إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا تَحْذَبْهُمْ ﴾

Maksudnya:

"Oleh itu, pergilah kamu berdua kepadanya, kemudian katakanlah: "Bahawa sesungguhnya kami ini rasul-rasul dari Tuhan-mu, maka bebaskanlah kaum Bani Israil mengikut kami, dan janganlah engkau menyeksakan mereka.

Surah Taha (20) : 47

Menerusi dua ayat di atas, terdapat perbezaan penggunaan perkataan yang digunakan iaitu perkataan *rasul* (*mufrad*) dan perkataan *rasula* (*duan*). Perbezaan ini pada asasnya tidak menepati sistem keseimbangan (*mutabaqah*) yang mesti ada dalam bahasa Arab. Ini kerana arahan yang

difirmankan oleh Allah s.w.t ditujukan kepada dua orang rasul iaitu Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s. Penggunaan yang sewajarnya digunakan adalah seperti dalam ayat kedua dari contoh kedua di atas iaitu (فَقُولَا إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ).

Penggunaan duaan dalam ayat di atas merujuk kepada dua orang rasul yang bertanggungjawab membawa utusan. Manakala penggunaan dalam bentuk satu (*mufrad*) memberikan implikasi maksud berikut;

- Memberi maksud *al-Risalah*. Ini berdasarkan syair berikut;

لَقَدْ كَذَّبَ الْوَأَشُونَ مَا بُوْحَتَ عِنْدَهُمْ # بَسِرٌّ وَلَا أَرْسَلْتُهُمْ بِرَسُولٍ.

Penggunaan (وَلَا أَرْسَلْتُهُمْ بِرَسُولٍ) dalam syair di atas bermaksud risalah. Ini menjadikan penggunaan perkataan *rasula* didatangkan dalam bentuk *al-Mubalaghah*. Iaitu Allah s.w.t mengutuskan kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s risalah yang sama. Ayat ini sama dengan kata-kata orang Arab (رجل عدل (وصدق).

- Perkataan '*rasul*' digunakan untuk maksud *mufrad* dan *jam'*. Penggunaan dalam bentuk banyak seperti dalam syair Abu Dhu'ayb al-Hudhali;

أَلَكِنِّي إِلَيْهَا وَخَيْرُ الرِّسْوِ # لِ أَعْمَلُهُمْ بِنَوَاحِي الخَبْرِ

al-Rasul dalam penggunaan di atas bermaksud *al-Rusul (jam')* berdasarkan penggunaan ganti nama ketiga 'هم'.

Penggunaan *rasul (mufrad)* memberi maksud syariat yang satu, oleh itu mereka berstatus rasul yang satu (al-Shanqiti, 1996; al-Zamakhsyari, 1995; Ibn. 'Ashur, 1984).

ii. Penggunaan Perkataan

al-Tanasub al-Bayani daripada aspek penggunaan perkataan boleh dilihat menerusi penggunaan perkataan *imra'at* (امرات). Penggunaan perkataan ini terdapat dalam dialog wanita-wanita Mesir sebagai respon kepada berita yang tersebar ketika itu. Berita tersebut berkaitan usaha isteri raja Mesir untuk menggodanya sendiri iaitu Nabi Yusuf a.s. Firman Allah;

﴿ وَقَالَ يَسُوۡءُ فِى الْمَدِيۡنَةِ اَمْرًاۗتُ الْعَزِيۡزِ تُرَوِّدُ فَتٰهَآ عَنۡ نَّفْسِهٖۗ
قَدْ شَغَفَهَا حُبًّاۗ اِنَّا لَنَرٰهَا فِى ضَلٰلٍ مُّبِيۡنٍ ﴿٣٠﴾ ﴾

Maksudnya:

Dan (sesudah itu) perempuan-perempuan di bandar Mesir (mencaci hal Zulaikha dengan) berkata: Isteri al-'Aziz itu memujuk hambaNya (Yusuf) berkehendakkan dirinya. Sesungguhnya cintanya (kepada Yusuf) itu sudahlah meresap ke dalam lipatan hatinya; Sesungguhnya Kami memandangnya berada dalam kesesatan yang nyata."

Surah Yusuf (12) : 30

Penggunaan perkataan *imra'at* dalam ayat di atas merujuk kepada maksud isteri. Dalam bahasa al-Qur'an, terdapat dua perkataan yang memberikan maksud yang sama selain *imra'at* iaitu *zawj*. Contoh penggunaan perkataan ini terdapat dalam ayat berikut. Firman Allah;

﴿ وَتَقَادِمُ اَسْكُنْ اَنْتَ وَرَوْجُكَ الْجَنَّةَ فَكُلَا مِمَّنۡ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هٰذِهِ
الشَّجَرَةَ فَكُونَا مِنَ الظَّالِمِيۡنَ ﴿٣٠﴾ ﴾

Maksudnya:

"Dan wahai Adam!, tinggalah engkau dan isteri-mu di dalam syurga serta makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah

kamu hampiri pokok ini. (Jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari orang-orang yang zalim".

Surah al-A'raf (7) : 19

Penggunaan perkataan *imra'at* menerusi dialog yang ungkapkan di atas sesuai dengan hakikat peristiwa yang berlaku. Menurut al-Khafani, tiga asas utama dalam kehidupan suami isteri ialah ketenangan (*al-Suknah*), kasih sayang (*al-Mawaddah*) dan kasih mengasihi (*al-Rahmah*). Apabila salah satu dari asas ini gagal, dengan sebab berlakunya khianat atau perbezaan dari sudut akidah maka perkataan *imra'at* digunakan dan bukannya *zawj*. (al-Kafani, 2013) Muhammad Daud pula menyatakan perkataan *imra'at* dalam konteks penggunaannya dalam al-Qur'an juga menunjukkan wanita yang dimaksudkan adalah ahli syirik (Dawud, Muhammad Muhammad, 2008).

Berdasarkan dua pandangan di atas, didapati bahawa penggunaan perkataan *imra'at* dalam dialog wanita-wanita mesir dalam ayat di atas menepati situasi sebenar yang berlaku kepada isteri *al-'Aziz*. Beliau bukan sahaja telah mengkhianati hubungan perkahwinan dengan suaminya Raja Mesir pada ketika itu menerusi godaan yang dilakukan, bahkan beliau juga merupakan seorang yang kafir walaupun tinggal bersama dengan seorang rasul yang diutuskan.

iii. Perletakan Baris / Cara Bacaan

al-Tanasub al-Bayani juga berlaku menerusi perletakan baris atau cara bacaan. Ini boleh dilihat menerusi dialog yang berlangsung antara malaikat dengan Nabi Ibrahim a.s. Peristiwa ini berlaku ketika malaikat yang diutus membawa kepada mereka suatu berita gembira iaitu lahirnya generasi kenabian iaitu kelahiran keturunan baginda Nabi Ishak a.s dan kemudiannya disusuli pula dengan perutusan Nabi Yaakub a.s. (al-Shanqiti, 1996). Firman Allah;

﴿وَلَقَدْ جَاءَتْ رُسُلَنَا إِبْرَاهِيمَ بِالنَّبِيِّ قَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ
فَمَا لَيْتَ أَنْ جَاءَ بِعِجْلٍ حَنِيذٍ ﴿٦٩﴾﴾

Maksudnya;

Dan sesungguhnya telah datang malaikat utusan-utusan Kami kepada Nabi Ibrahim, dengan membawa berita yang mengembirakan. lalu mereka memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepada-mu (wahai Ibrahim)". Nabi Ibrahim menjawab: "Salam sejahtera kepada kamu". Maka tidak berapa lama selepas itu, ia membawa jamuan untuk mereka: Seekor anak lembu yang dipanggang.

Surah Hud (11) : 69

Menerusi ayat di atas, terdapat dua perkataan salam digunakan. Penggunaan pertama iaitu dialog para malaikat dibaca secara *mansub* (سَلَامًا). Manakala penggunaan kedua iaitu respon Nabi Ibrahim a.s dibaca secara *marfu'* (سَلَّمَ). Perkataan *salama* (سَلَامًا) yang diucapkan oleh para malaikat kepada Nabi Ibrahim a.s merupakan perkataan yang berasal dari ayat *jumlah fi'liyyah*. Ini kerana perkataan *salama* pada kedudukan kata nama penguat (*maf'ul mutlaq*) kepada kata kerja yang dihilangkan. Asal ayat tersebut adalah (نَسَلَمَ عَلَيْكَ سَلَامًا). Manakala frasa (سَلَّمَ) yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim a.s berasal dari ayat *jumlah ismiyyah* iaitu subjek bagi predikat yang dihilangkan. Asal ayat tersebut adalah (سَلَامًا عَلَيْكُمْ).

Penggunaan ini juga berlaku menerusi ayat berikut. Firman Allah;

﴿هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ الْمُكْرَمِينَ ﴿٦٨﴾ إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا
قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ ﴿٦٩﴾﴾

Maksudnya;

Sudahkah sampai kepada-mu (wahai Muhammad) perihal tetamu Nabi Ibrahim yang dimuliakan?; Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepada-mu!". Ia menjawab: "Salam sejahtera kepada kamu!". (Sambil berkata dalam hati): Mereka ini orang-orang yang tidak dikenal.

Surah al-Dhariyyat (51) : 24-25

Sebagaimana yang telah dijelaskan, para ulama balaghah menetapkan jika sekiranya ayat yang digunakan berbentuk *jumlah ismiyyah*, maka maksud yang dikehendaki menerusi penggunaan tersebut ialah kekekalan. Sebaliknya jika maksud yang dikehendaki itu mengandungi maksud berlakunya pembaharuan dan perubahan, ayat yang digunakan adalah *jumlah al-Fi'liyyah*. Daripada aspek kekuatan maksud, *jumlah ismiyyah* memiliki maksud yang lebih kuat berbanding *jumlah fi'liyyah*.

Berdasarkan konsep yang dikemukakan di atas, *al-Tanasub al-Bayani* berlaku menerusi dialog yang berlaku antara para malaikat dan Nabi Ibrahim a.s. Apabila para malaikat memberi salam secara *mansub*, ia dijawab oleh Nabi Ibrahim secara *marfu'*. Jawapan yang diberikan oleh Nabi Ibrahim a.s memiliki unsur-unsur kekekalan dan kekuatan yang sudah tentu lebih baik berbanding salam para malaikat yang memiliki unsur-unsur pembaharuan dan perubahan. Ini menepati saranan al-Qur'an agar salam yang diberikan mestilah dijawab dengan cara yang lebih baik darinya. Firman Allah;

﴿وَإِذَا حُيِّمْتُمْ بِتَحِيَّاتِهِمْ فَحَيُّوْا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوْهَا﴾

Maksudnya;

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka

balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah ia (dengan cara yang sama).

Surah al-Nisa' (4) : 86

RUMUSAN

Perbincangan di atas telah mengemukakan penggunaan ilmu iaitu al-Bayan yang menjadi teras dalam pembinaan ayat-ayat al-Qur'an. Penggunaan ini didapati telah mengenengahkan satu teknik dalam mengekspresikan makna dalam bentuk yang melewati kebiasaan penggunaan orang-orang Arab dalam penulisan hasil kesusasteraan klasik mereka. Al-Qur'an bukan sahaja menjadikan pemilihan perkataan sebagai satu tumpuan dalam menyampaikan maksud, bahkan ia meliputi keseluruhan aspek termasuk penggunaan baris bacaan. Makna yang terbentuk dari penggunaan al-Bayan sekali gus telah membuktikan tentang kedudukan al-Qur'an sebagai kalam Allah yang bermukjizat.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Lasyin (2003), *al-Ma'ani fi Dau' Asalib al-Qur'an al-Karim*, Kaherah; Dar al-Fikr al-Arabi.
- Abu al-'Udus, Yusuf (2007), *Madkhal ila al-Balaghah al-'Arabiyyah*, Amman: Dar al-Masirah.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (1405H), *Ghayat al-Maram fi Takhrij Ahadith al-Halal wa al-Haram*, Beirut : al-Maktab al-Islami.
- al-Jawhari, Ismail bin Hamad (1987), *al-Sihah Taj al-Lughah wa Sihah al-Arabiyyah*, Ahmad Abd Ghafur (e.d), Beirut: Dar al-Malayiin.
- Andalusi, 'Abd al-Haq bin Ghalib al- (2001) *al-Muharrar al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-'Aziz*, 'Abd al-Salam 'Abd al-Shafi (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Dawud, Muhammad Muhammad (2008), *Mu'jam al-Furuq al-Dalaliyyah fi al-Qur'an al-Karim*, Kaherah; Dar Gharib.

Jahiz, 'Amru bin Bahr al-(1423H)., *al-Bayan wa Tabyin*, Beirut: Maktabah al-Hilal.

Jurjani, 'Ali bin Muhammad al- (1983), *al-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Khafani 'Aqil, al-Tanasub al-Ihsa'i wa al-Bayani fi al-Ta'bir al-Qur'ani.
<http://www.arts.kufauniv.com/teaching/a/d.aqeel/4.doc>
, 12 april 2013.